

# Bekalan diesel di Sarawak pulih

## Stesen minyak mula dapat bahan api daripada pengedar

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@bh.com.my

**Kuching:** Pengguna kenderaan yang menggunakan bahan api diesel lega apabila kebanyakan stesen minyak mempunyai bekalan, semalam.

Tinjauan mendapati semua stesen PETRONAS di sekitar bandar raya ini mempunyai bekalan bahan api itu.

Malah, keadaan di kawasan luar bandar juga sama apabila bekalan bahan api itu sudah diperolehi.

Pengguna di Dalat dalam Bahagian Mukah, Geoffrey Wan, berkata beliau mengetahui adanya bekalan api itu di satu-satunya stesen minyak PETRONAS di

pekan kecil itu menerusi aplikasi WhatsApp, petang kelmarin.

“Sebaik melihat maklumat yang tersebar di WhatsApp, saya terus pergi ke stesen berkenaan dan memang ada bekalan diesel.

“Lega sebab saya perlu mengisi minyak secukupnya untuk balik ke Miri,” katanya ketika dihubungi.

### Bekalan dari pengedar lain

Bagaimanapun, difahamkan bekalan diesel itu diperoleh daripada pengedar lain, bukannya PETRONAS.

Tinjauan di sebuah stesen minyak PETRONAS di Kuching kebetulan mendapati sebuah lori tangki tanpa logo sebarang syarikat petroleum sedang mengisi bekalan bahan api itu.

Pekerja yang ditemui berkata, mereka terpaksa mengambil bekalan daripada pihak lain kerana PETRONAS hanya akan mengedarkan bekalan pada 31 Disember ini.

“Ketika ini kami ‘order’ dari luar kerana difahamkan PETRONAS hanya akan menghantar bekalan empat hari lagi,” katanya.



Sebuah lori tangki mengisi bekalan diesel di sebuah stesen minyak PETRONAS di Kuching.

(Foto Mohd Roji Kawi/BH)

# Program kepemimpinan lahir kelompok pakar politeknik



Oleh Prof Dr Harshita Aini Haroon  
bhrencana@bh.com.my

**Pelan** Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang dilancarkan pada September 2023 memberikan cabaran hebat kepada institusi pembekal program teknikal dan vokasional di negara ini.

Ini berikutan, kejayaan NIMP 2030 turut bergantung kepada ketersediaan tenaga kerja mahir berasaskan teknologi. Keperluan peningkatan tenaga mahir ini terletak pada institusi pendidikan tinggi dan kemahiran, supaya permintaan sektor pekerjaan baharu yang bakal wujud menerusi pelan itu kelak dapat dipenuhi.

Justeru, peluncuran Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 pada 4 Disember lalu ialah inisiatif yang bertepatan pada masanya, mengambil kira keperluan mendesak negara terhadap guna tenaga berkemahiran tinggi.

Pelan itu menetapkan objektif, melangkaui tahun 2030 Politeknik Malaysia akan menjadi institusi TVET berdaya saing dan pilihan utama pendidikan, latihan teknikal serta vokasional, setanding politeknik di negara maju.

Memenuhi misi dan visi ditetapkan Hala Tuju itu melalui 18 objektif strategik, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) memerlukan perancangan serta penetapan sumber manusia yang berkesan.

Berbekalkan 10,124 perjawatan dalam 36 politeknik di Malaysia masa kini, kepimpinan politeknik perlu memastikan semua warga institusi memainkan peranan masing-masing dengan berkesan dalam menyumbang usaha mencapai misi digariskan dokumen rujukan itu.

Kepimpinan institusi berperanan penting mencapai kejayaan kerana mereka bertanggungjawab memastikan institusi akan sentiasa berada di atas landasan hala tuju ditetapkan.

Aspek kepemimpinan dalam lingkungan institusi tersebut perlu diberi tumpuan dan penekanan utama. Kepimpinan juga perlu sentiasa prihatin terhadap faktor kritikal kejayaan yang perlu diberi perhatian demi mencapai objektif transformasi.

Malah, kepimpinan institusi berperanan penting dalam mencapai kejayaan kerana mereka bertanggungjawab memastikan institusi akan sentiasa berada di atas landasan hala tuju yang telah ditetapkan.

Selain itu kepimpinan juga perlu sentiasa prihatin terhadap faktor kritikal kejayaan demi mencapai objektif transformasi.

### Perlu ubah set minda

Pada masa sama, kepimpinan institusi yang berada di atas landasan transformasi perlu mampu meyakinkan ‘pengikutnya’ untuk melaksanakan tindakan yang kadangkala memerlukan perubahan set minda, mampu tangkas dalam menangani cabaran dan peka terhadap peluang perlu diterokai.

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dipertanggungjawab untuk memastikan institusi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), sentiasa mempunyai kolam bakat tersedia untuk menggalas amanah sebagai pemimpin yang dapat memacu kejayaan.

Justeru, ia menuntut inisiatif dan tindakan bersama yang terancang serta strategik antara AKEPT dan JPPKK.

Objektif program kepimpinan yang dilaksanakan AKEPT bertujuan, membekalkan bakat kepimpinan institusi dengan kemahiran untuk memimpin dengan efektif.

Program tersebut merangkumi beberapa fasa pelaksanaan yang menuntut pelaburan masa dan tenaga, dengan jangka masa panjang akan membuah hasilnyanya.

Proses paling awal dalam fasa pelaksanaan ini ialah mengenal pasti bakal pemimpin politeknik oleh JPPKK.

Set kompetensi ditetapkan, berpandukan kepada keperluan umum dan spesifik kompetensi kepimpinan yang perlu ada dalam kalangan pemimpin bagi sesebuah institusi TVET seperti politeknik.

Hasil daripada proses pemprofilan akan membolehkan bakal pemimpin politeknik ditempatkan pada tahap dan jenis keperluan latihan tertentu bagi mengisi lompong kompetensi dikenal pasti serta memberi nilai tambah kepada kemahiran memimpin sedia ada seseorang calon.

Bakal pemimpin yang telah diprofilkan juga perlu mengikuti program latihan berstruktur, termasuklah berkaitan pengurusan perubahan, kepimpinan organisasi, perancangan strategik, pengurusan teknologi dan pendigitalan.

Selain itu AKEPT juga menawarkan kursus berkaitan rapat dengan keperluan kepimpinan institusi TVET. Ini memastikan bakal pemimpin dilatih dapat merencanakan hala tuju kepimpinan mereka dengan berkesan apabila konteks latihan relevan dengan organisasi masing-masing.

Selain program kepimpinan institusi, pemerksaan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, serta aktiviti penyelidikan dan inovasi di politeknik akan menjadi salah satu tumpuan latihan AKEPT.

Mengambil kira bahawa 87 peratus daripada keseluruhan perjawatan di politeknik adalah perjawatan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, AKEPT menggalas tanggungjawab membekalkan program *training of trainers* (ToT).

Menerusi program ini ia akan membangunkan kelompok pakar rujuk teknikal di politeknik dan memperkasakan pensyarah di politeknik masing-masing.

Asas kepada kejayaan usaha ini ialah pemahaman bahawa pembelajaran berterusan penting dalam kalangan bakal pemimpin yang dikenal pasti JPPKK kerana mereka berperanan untuk menyumbang kepada peningkatan daya saing politeknik sebagai institusi TVET pilihan utama.

Pengarah  
Akademi  
Kepimpinan  
Pendidikan Tinggi  
(AKEPT)